

USLUB MAW'IZAH HASANAH DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK MUSLIM BERDASARKAN TARBIYAH AL-AWLAD FI AL-ISLAM

USLUB MAW'IZAH HASANAH IN THE UPBRINGING OF MUSLIM CHILDREN BASED ON TARBIYAH AL-AWLAD FI AL-ISLAM

Safinah Ismail^{1*}, Rosmawati Mohamad Rasit², Zulkefli Aini³, Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah⁴

¹ Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor, safinah@kuis.edu.my.

² Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, rosmawati@ukm.edu.my.

³ Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, zulaini@ukm.edu.my.

⁴ Pelajar sarjana, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 22mt09002@student.kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 17 April 2023

| Selepas Pembetulan: 11 Okt 2023

| Diterima untuk terbit: 10 Nov 2023

Abstrak

Al-Maw'izah al-Hasanah merupakan satu uslub daripada uslub induk dakwah yang terdapat di dalam al-Quran menerusi surah al-Nahl ayat 125. Ia digunakan oleh para pendakwah bagi melembutkan hati sasaran dakwah. Uslub ini juga kerap dibincangkan sebagai kemahiran keibubapaan yang digunakan dalam pendidikan anak-anak Muslim. Namun begitu, realiti pada hari ini terdapat ibu bapa yang culas dengan tanggungjawab mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tema-tema *al-Maw'izah al-Hasanah* dalam pendidikan anak-anak muslim. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Instrumen pengumpulan data adalah secara dokumen. Kitab *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* yang ditulis oleh Abdullah Nasih Ulwan digunakan sebagai sampel kajian. Analisis bagi data kajian melalui analisis kandungan. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat enam tema yang dibincangkan dalam kitab *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* mengenai uslub *Al-Maw'izah al-Hasanah* iaitu nasihat melalui panggilan yang lembut, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, nasihat melalui cerita, nasihat melalui arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan. Dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada ibu bapa dalam mempraktikkan uslub *Maw'izah hasanah* dengan cara yang betul ketika berkomunikasi dengan anak-anak agar pembentukan sahsiah yang baik dapat diamalkan dalam kehidupan anak-anak terutama dalam institusi kekeluargaan Islam.

Kata kunci

Uslub, maw'izah hasanah, Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam, personaliti, kanak-kanak

Abstract

Al-Maw'izah al-Hasanah is one of the main methods of preaching found in the Quran through surah al-Nahl verse 125 that is used by preachers to soften the effects of preaching. This approach has also been discussed as a parenting skill for the upbringing of Muslim children. However, today, there are parents who are careless with their responsibilities in educating children. Moreover, some do not know the right approach to use when dealing with children. Therefore, this study aimed to analyze the themes of al-Maw'izah al-Hasanah in the upbringing Muslim children. Content analysis was chosen as the research design. The book Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam written by Abdullah Nasih Ulwan was used as the sample of the study. The research data was collected using the document analysis method to categorize data into themes that were analyzed thematically. The results of the analysis found that there were six themes discussed in the book regarding the method of al-Maw'izah al-Hasanah, which were advice through gentle calls, advice through reminders, advice through questions and answers, advice through stories, advice through instructions and advice accompanied by jokes. This study holds importance as a guide for parents to practice the method of al-Maw'izah al-Hasanah correctly when communicating with children, where the formation of good character can be absorbed in their children's lives, especially in Islamic family institutions.

Keywords

Uslub, maw'izah hasanah, Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam, personality, children

1.0 Pengenalan

Anak-anak merupakan aset penting dalam pembangunan dan kemajuan negara pada masa akan datang. Pendidikan yang baik terhadap anak-anak akan melahirkan generasi yang berakhlak mulia (Wan Abdul Fattah et al. 2022). Mereka perlu dibimbing oleh ibu bapa yang merupakan orang yang paling hampir dengan mereka ke arah kebaikan. Bersesuaian dengan fitrah anak-anak yang dilahirkan dalam keadaan suci dan ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab ke atas mereka (Muhammad Talhah et al. 2019). Hal ini telah diterangkan di dalam sebuah hadis yang masyhur iaitu sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ إِنْسَانٍ تَلَدُهُ أُمُّهُ عَلَى الْفِطْرَةِ وَأَبَوَاهُ بَعْدَ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيِمَجِّسَانِهِ فَإِنْ
كَانَا مُسْلِمَيْنِ فَمُسْلِمٌ كُلُّ إِنْسَانٍ تَلَدُهُ أُمُّهُ يَلْكُزُهُ الشَّيْطَانُ فِي حِضْنَيْهِ إِلَّا مَرْيَمَ
وَإِبْنَهَا

Ertinya: Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah lalu kedua orang tuanya lah yang menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Nasrani dan Majusi (penyembah api). Apabila kedua orang tuanya Muslim, maka anaknya pun akan menjadi Muslim. Setiap bayi yang dilahirkan dipukul oleh syaitan pada kedua pinggangnya kecuali Maryam dan anaknya. (Abi al-Husain Muslim, Sahih Muslim, Kitāb al-Qadar, *Bāb ma'na kullu maulūd yūlidu 'ala al-ḥiṭrah wa hukm maut aḥfāl al-kufr wa aḥfāl al-Muslimīn*, no. hadis: 2658/25, hlm: 2047)

Di dalam Islam, ibu bapa dipertanggungjawabkan sebagai pemandu arah dan pembimbing kepada anak-anak dengan penuh kasih sayang (Berita Harian, 2015). Namun begitu, realiti pada hari ini terdapat ibu bapa yang culas dengan

tanggungjawab mereka. Hal ini boleh dilihat melalui kes yang melibatkan anak-anak seperti penderaan (Norsaleha et al. 2018), pengabaian (Norsaleha et al. 2018), tingkah laku devian remaja (Mariam et al. 2021), peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja (Intan 2018) dan lain-lain. Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan peratusan masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh kanak-kanak lebih tinggi iaitu 9.5 peratus berbanding orang dewasa iaitu 2.3 (Mohd Hafiz 2022).

Oleh itu, didapati permasalahan tersebut berkait rapat dengan kaedah ibu bapa mendekati anak-anak mereka. Oleh yang demikian, kajian ini ingin menengahkan uslub *maw'izah hasanah* sebagai satu panduan yang dapat digunakan oleh ibu bapa apabila berhadapan dengan anak-anak. Uslub ini merupakan satu usaha yang berpanjangan kerana pendidikan terhadap anak-anak merupakan satu proses jangka panjang dan berterusan. Ia juga merupakan satu kewajipan dalam membangunkan sesebuah tamadun manusia yang mempunyai keseimbangan dari sudut rohani, sosial, budaya, ekonomi dan politik (Muhammad Talah et al. 2019).

2.0 Konsep *Maw'izah Hasanah*

Menurut al-Maraghi (dalam Asep Muhidin 2002), *maw'izah hasanah* bermaksud nasihat yang baik, satu peringatan yang memberikan pelajaran menggunakan bahasa atau ucapan yang lembut dan penuh bersifat kasih sayang dengan tujuan untuk menyentuh jiwa *mad'u*. Nasihat adalah peringatan, suruhan agar melakukan ketaatan dan memberi wasiat. Aep Wahyudin (2012) berpandangan bahawa nasihat adalah percakapan yang baik. Manakala Dzewi dan A. Boham (2014) pula menjelaskan bahawa nasihat adalah ajaran baik yang diberikan kepada seseorang dengan menekankan pendidikan jasmani, minda dan jiwa. Nasihat adalah suatu keperluan dalam sesebuah keluarga (Balcells-balcells et al. 2019). Bahkan menasihati anak-anak dalam sesebuah keluarga merupakan tanggungjawab ibu bapa (Bahrami, Hosseini & Zamiri 2017). Nasihat adalah penyampaian ajaran Islam dengan kasih sayang, kelembutan, dan tidak menggunakan kata-kata yang buruk atau nada mengejek (Miranti Dwi 2018). Yulia Hairina (2017) menyatakan nasihat merupakan penjelasan berkaitan perkara-perkara kebaikan untuk menghindari bahaya.

Al-Quran menekankan agar menggunakan uslub nasihat kerana nasihat memberi peringatan supaya manusia bertakwa, mendidik manusia ke arah kebaikan, kebenaran dan mendapat petunjuk Allah SWT. Nasihat sesuai dengan lafaz-lafaz al-Quran daripada pelbagai struktur dan gaya bahasa (al-'Ulwan 1997). Uslub ini merupakan perintah Allah SWT kepada manusia agar dapat direalisasikan dalam pembangunan ummah (al-Bayanuni 1995). Kepentingan nasihat dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْلُهُمْ بِأَلْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua

Sayyid Qutb (1992) dalam *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* menyatakan bahawa tindakan Luqman memberikan nasihat kepada anaknya adalah tindakan yang bijak kerana telah dikurniakan kebijaksanaan. Beliau menasihati anaknya dalam pelbagai perkara, termasuk yang berkaitan dengan akidah dan akhlak. al-Tabari (2000) pula dalam *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* menyatakan ayat tersebut menunjukkan bahawa syirik adalah satu kezaliman yang besar. Hal ini diperkuat oleh hadis ketika turun ayat *الذين آمنوا ولم يلبسوا إيمانهم بظلم*, para sahabat berasa gelisah dan mereka berkata; Siapakah di antara kita yang tidak berbuat zalim? lalu Allah SWT menurunkan *إن الشرك لظلم عظيم*. Lalu tenanglah mereka. Ini menunjukkan bahawa kezaliman yang dimaksudkan ialah syirik.

Menurut al-Ulwan (1997), nasihat memberi kesan yang besar kerana dapat membuka mata anak-anak terhadap sesuatu perkara, mendorong mereka untuk melakukan kebaikan dan menghiasi diri dengan akhlak yang mulia. Rasulullah SAW menjadikan nasihat dan bimbingan sebagai kaedah yang banyak diaplikasikan dalam dakwah. Ibu bapa memberi nasihat dan teguran dengan penuh kasih sayang, secara hikmah dan memberi peringatan bagi menggalakkan penerimaan mesej yang disampaikan. Ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak untuk memberi nasihat dan bimbingan dalam hal yang berkaitan keagamaan, akademik, kehidupan dan masalah peribadi. Oleh yang demikian, Jamiah et al. (2015) berpandangan bahawa anak-anak memerlukan nasihat dan perhatian daripada ibu bapa dalam setiap aspek kehidupan mereka. Nasihat yang tulus ikhlas dapat memberi kesan yang mendalam kepada seseorang termasuk anak-anak. Manakala Sakiroh Yaena (2013) menegaskan bahawa ibu bapa memberikan nasihat kepada anak-anak yang terlibat dengan masalah dan menyelesaikan masalah tersebut bersama-sama.

Namun, Dewi dan A. Boham (2014) menyatakan bahawa ibu bapa kurang memberikan nasihat dan perhatian kepada anak-anak kerana sibuk dengan kerjaya masing-masing (Ahmad Gawdy, Doni & Adisel, 2018). Ini turut diakui oleh Mohamad Khairi et al. (2016), Azizi, Shahrin dan Mascilla (2012) bahawa kesibukan kerjaya menjarakkan anak-anak daripada ibu bapa kerana waktu yang diluahkan bersama anak-anak adalah terhad, mengurangkan kemesraan antara mereka dan mengurangkan kualiti kesejahteraan keluarga (Ahmad Gawdy, Doni & Adisel 2018; Alfons, Julia & Antonius 2015; Azizi, Shahrin & Mascilla 2012; Rahmawati & Nuragmi 2018). Justeru, anak-anak memilih orang luar, terutamanya kawan-kawan sebagai penasihat. Mereka lebih mudah berkongsi masalah dengan kawan-kawan berbanding dengan ibu bapa sendiri. Hal ini membawa kepada reaksi negatif anak-anak terhadap ibu bapa (Mastura Bohari & Farahwahida Mohd Yusof 2020). Menurut Hairun (2017), Ma Razhanlaily dan Salasiah (2017), apabila ibu bapa cuba untuk memberi nasihat, anak-anak cenderung untuk menolak dan mengabaikan nasihat yang diberikan dengan alasan nasihat tersebut tidak sesuai dengan mereka.

Oleh yang demikian, disimpulkan bahawa nasihat merupakan peringatan, percakapan yang baik, penuh kasih sayang dan kelembutan yang diberikan kepada seseorang dengan menekankan pendidikan jasmani, minda dan jiwa. Ibu bertanggungjawab memberi nasihat kepada anak-anak. Apabila ibu bapa tidak memberi nasihat, menyebabkan berlakunya masalah sosial dalam kalangan anak-anak. Amalan memberi nasihat telah dilakukan oleh para nabi dan orang soleh. Hal ini telah dinyatakan dalam al-Quran. Nasihat yang diberikan agar anak-anak mendapat kesedaran untuk belajar bersungguh-sungguh demi masa depan. Nasihat juga dapat memberi kesan positif kepada anak-anak seperti meningkatkan motivasi diri dan mewujudkan perubahan dalam kehidupan mereka sekali gus mencapai matlamat mereka.

3.0 Metodologi kajian

Metodologi kajian merupakan perancangan umum sesuatu penyelidikan yang dilaksanakan bagi menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat dalam menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua 2014). Kajian kualitatif ini menggunakan instrumen pengumpulan data berdasarkan analisis dokumen terhadap kitab *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* karangan Abdullah Nasih Ulwan. Analisis data adalah berdasarkan dokumen yang dianalisis secara tematik dengan membuat penelitian terhadap kandungan kitab, memahaminya dan menganalisis isi-isi penting yang berkaitan dengan tajuk kajian (Cosmas 2020). Kitab ini membincangkan berkenaan pendidikan anak-anak dari sudut perspektif Islam dengan mendatangkan rujukan daripada ayat-ayat al-Quran, hadis Rasulullah SAW dan pendapat para sahabat Nabi dan ulama' salafus soleh. Selain itu, kitab ini juga sering dijadikan rujukan dalam dunia penyelidikan Islam khususnya dalam bidang pendidikan. Ia juga diterjemahkan dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia (Siti Nurjanah & Muhammad Talhah, 2019).

4.0 Dapatan kajian

Hasil kajian uslub *maw'izah hasanah* berdasarkan Kitab *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* yang ditulis oleh Abdullah Nasih Ulwan iaitu memberi nasihat dengan panggilan berunsurkan pujukan yang lembut dan kecaman, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, teknik penceritaan yang diselitkan dengan peringatan dan nasihat, nasihat dengan arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan.

4.1 Nasihat dengan panggilan berunsurkan pujukan yang lembut dan kecaman

Teknik pujukan dan kecaman telah diaplikasi daripada pelbagai bentuk, kaum dan peringkat melalui lidah nabi dan para pendakwah. Terdapat beberapa contoh panggilan dengan pelbagai teknik yang berbeza iaitu panggilan kepada anak, wanita, kaum, orang beriman, ahli kitab dan seluruh manusia. Sebagai contoh panggilan kepada anak berdasarkan Surah Luqman:3, Surah Hud :42, Surah Yusuf: 5, Surah al-Baqarah: 32) (al-Ulwan 1997). Sebagai contoh, seruan Nabi Nuh AS terhadap anaknya sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَنَادَى نُوحٌ ابْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ يَا بُنَيَّ ارْكَب مَعَنَا وَلَا تَكُن مَعَ الْكَافِرِينَ ٤٢

Maksudnya:

Nabi Nuh memanggil anaknya yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir."

Surah Hud (11):42

Ibn Kathīr (1999) dalam *Tafsir Ibn Kathīr* menjelaskan bahawa Nabi Nuh AS telah menyeru dengan jelas kepada anaknya yang bernama Yaam supaya bersama-sama menaiki kapal. Nabi Nuh AS berbincang dengan baik dan mengingatkan anaknya bahawa tidak ada yang mampu selamat melainkan dengan perlindungan daripada Allah SWT. Begitu juga kisah Nabi Ibrahim AS dengan anak-anaknya sebagaimana firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يُبْنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمُ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ١٣٢

Maksudnya:

Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: “Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam.”

Surah al-Baqarah (2):132

Al-Qurtubi (2014) dalam *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’an*, menukilkan bahawa Nabi Yaakub AS mewasiatkan kepada anaknya, Wahai anakku sesungguhnya Allah SWT memilih bagimu agama. Al-Baghāwī (1997) pula dalam *Ma‘alim al-Tanzil* menukilkan kata al-Kalbi dan Muqatil iaitu perkara tersebut adalah kalimah ikhlas *la ila ha illallah*. Ayat tersebut menunjukkan bahawa Nabi Yaakub AS menasihati anaknya agar memelihara keimanan terhadap Allah SWT hingga ke akhir hayat.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa boleh mengaplikasi kaedah yang sama ketika memberi nasihat yang baik kepada anak-anak. Sebagai contoh apabila masuk waktu solat, anak-anak diseru dengan lemah-lembut untuk solat berjemaah. Malah jika anak-anak berjauhan, ibu bapa masih boleh mengingatkan anak-anak melalui khidmat pesanan ringkas supaya tidak meninggalkan solat (Abdul Munir et al. 2013). Rasulullah SAW juga menggalakkan ibu bapa untuk menggunakan kata-kata yang lemah-lembut dan melarang mengkritik dan memarahi anak-anak (Suwaid 2014). Nada yang lembut ketika memberi nasihat dapat memelihara hubungan baik dengan anak-anak. Antara cara yang boleh digunakan untuk mendapat perhatian anak-anak ketika memberi nasihat ialah dengan sentiasa bercakap dengan anak-anak, terutama ketika waktu sebelum tidur, melakukan kontak mata apabila berbicara dengan anak-anak, sentiasa mengulang arahan, mengawal kemarahan dengan memegang tangan anak, berbicara sambil merenung ke dalam mata anak dengan menjelaskan kesalahan anak yang menyebabkan ibu bapa marah (Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012). Islam menggariskan beberapa prinsip sebagai garis panduan iaitu untuk berbicara dengan lembut (Noornajihan et al. 2014).

Nasihat dengan lembut mempunyai pengaruh yang besar terhadap perasaan dan jiwa seseorang. Elemen ini memberi kepuasan dalam berdialog (‘Ulwan 1997). Hal tersebut boleh menambah baik komunikasi dengan anak-anak dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan (Nuraini Novianti, Melly Latifah & Neti Hernawati 2018). Fathiyaturrohman (2014) pula berpandangan bahawa kasih sayang ibu bapa terhadap anak dapat diserlahkan dengan ciuman, pelukan atau pujian. Menasihati dengan panggilan yang mempunyai kata pujian dan sanjungan boleh memperbaiki sikap anak-anak kerana anak-anak suka dipuji dan dihargai (Ratnasari 2007; Azizi, Halimah dan Zuhaimy 2012). Oleh itu, apabila anak-anak

patuh kepada arahan, ibu bapa boleh menghadaiahkan pujian dan pelukan (Sicillya 2013). Sehubungan dengan itu, ibu bapa boleh memberi galakan dan pujian apabila anak-anak melakukan kebaikan untuk mendorong anak-anak mengekalkan perbuatan tersebut.

Pujian boleh menggalakkan anak-anak untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik pada masa akan datang dan pada masa yang sama ibu bapa boleh menasihati anak-anak (Kamarul Azmi & Siti Fauziyani 2007). Oleh yang demikian, ibu bapa yang menggalakkan anak-anak dengan kata-kata pujian mempunyai kesan positif terhadap anak-anak. Ibu bapa cenderung untuk memberi pujian ketika anak-anak sedang belajar, ketika berbual atau mengikut kesesuaian masa dan tempat. Kata-kata nasihat yang disertai dengan pujian dan ciuman mengukuhkan lagi kasih sayang serta merangsang semangat anak-anak untuk lebih gigih belajar (Rusli Ahmad & Abg Ishar 2010). Malah Che Su dan Nan Zakiah (2014) menegaskan bahawa ibu bapa yang merupakan pengguna tegar media sosial juga menyampaikan mesej-mesej pujian yang dimuat turun daripada *Facebook*, *Telegram*, *Instagram* dan sebagainya untuk menggalakkan anak-anak melakukan kebaikan.

4.2 Nasihat melalui peringatan

Nasihat dengan peringatan pula merupakan peringatan kepada anak-anak tentang balasan dan hukuman yang akan diterima sekiranya mereka melakukan kesalahan. Kritikan digunakan dengan cara yang bijak dan bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan (Effiati Juliana 2011). Rasulullah SAW menganjurkan anak-anak untuk berbakti kepada kedua ibu bapa dan melarang anak-anak yang melakukan kesalahan Rasulullah SAW juga mengkritik dengan keras seorang lelaki yang menyerupai wanita (Suwaid 2014). Rasulullah SAW bersabda:

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال لعن رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas RA berkata Rasulullah SAW melaknat lelaki-lelaki yang menyerupai wanita wanita dan wanita yang menyerupai lelaki. (al-Bukhārī, *Sahih al-Bukhārī*, Kitāb *al-libas* Bab *al-Mutasyabbihuna bi al-Nisa' wa al-Mutasyabbihatu bi al-Rijāl*, no. Hadis 5885)

Menurut al-'Asqalānī (t.th) dalam kitabnya '*Fath al-Bārī*', hadis tersebut menjelaskan pandangan al-Ṭabari bahawa tidak harus lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki daripada sudut pakaian dan perhiasan. Celaan menyerupai ini adalah bagi seseorang yang sengaja melakukan perbuatan tersebut. Syeikh Abu Muhammad bin 'Ali Hamzah berkata, zahir lafaz hadis tersebut melarang seseorang menyerupai dalam setiap perkara. Oleh yang demikian, ibu bapa dianjurkan supaya tidak membiarkan anak-anak lelaki menyerupai wanita dan anak-anak perempuan menyerupai lelaki. Ia boleh membentuk anak-anak untuk mempunyai jati diri, patuh dan berperibadi mulia (Suwaid 2014).

Peringatan juga dilakukan dengan memberi larangan kepada anak-anak sebagai peringatan dan mendedahkan keburukan secara jelas agar dapat menjauhi

diri daripada melakukan perkara tersebut (al-'Ulwan 1997). Penggunaan larangan yang jelas boleh digunakan apabila menasihati anak-anak. Hal ini telah dinyatakan dalam al-Quran sebagai salah satu pendidikan kepada anak-anak seperti tidak mensyirikkan Allah SWT dan tidak mentaati kedua ibu bapa dalam melakukan syirik terhadap Allah SWT (al-Qurtubi 2009). Syirik merupakan suatu kezaliman yang besar dan merupakan dosa besar kerana menyamakan Allah SWT dengan berhala yang tidak mampu melakukan sesuatu pun (al-Marāghiy 2001). Hamka (1990) berpendapat bahawa manusia yang menyekutukan Allah SWT adalah manusia yang tidak merdeka, lemah dalam pegangan agama dan menganiaya diri mereka sendiri. Dari aspek akhlak pula, Islam melarang meninggikan suara dan menggalakkan penggunaan kata-kata yang baik kerana lebih mudah untuk difahami dan diterima oleh pendengar. Ini merupakan salah satu adab ketika berbicara. Luqman melarang anaknya menggunakan perkataan 'jangan' untuk mencegah anaknya daripada tingkah laku yang buruk (al-Maraghiy 2009). Menurut Saedah (2003), apabila berkomunikasi dengan anak-anak, ibu bapa digalakkan untuk memberi hujah-hujah (saranan, sebab, bukti dan rasional) supaya anak-anak memahami dengan lebih baik berkaitan larangan yang dikenakan.

Nabi Yaakub AS menasihati Nabi Yusuf AS untuk tidak menceritakan mimpinya itu kepada abang-abangnya yang lain kerana bimbang mereka mungkin dapat meramalkan rahsia masa depan adik mereka dan ini akan menyebabkan timbulnya rasa cemburu dan dengki dalam diri abang-abangnya (Sayyid Qutb 1992). Firman Allah SWT:

قَالَ يُبْنِي لِي لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

٥

Maksudnya:

Bapanya berkata: "Wahai anakku, janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu kerana aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadap mu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia."

Surah Yusuf (12):5

Ibn Kathīr (1999) dalam *Tafsir Ibn Kathīr* menafsirkan bahawa Nabi Yaakub AS menasihati anaknya Nabi Yusuf AS supaya tidak menceritakan mimpi tersebut kepada saudaranya yang lain kerana dikhuatiri akan menimbulkan salah faham, rasa dengki dan keinginan untuk mencederakan atau memperdayakan Nabi Yusuf AS. Menurut ahli tafsir, mimpi yang dialami oleh Nabi Yusuf AS menggambarkan bahawa Allah SWT telah mengutuskan wahyu dan melantik baginda menjadi seorang nabi dan Nabi Yaakub AS tetap menasihati anak-anaknya walaupun anak-anaknya sudah dewasa dan menjadi pemimpin (Ibn Kathīr 1999). Begitu juga dengan Nabi Nuh AS yang sentiasa memberi nasihat kepada anaknya, namun anaknya menolak nasihat yang diberikan dan akhirnya mati dalam keadaan tidak beriman. Oleh itu, ibu bapa boleh memilih bentuk nasihat yang sesuai mengikut keadaan dan tempat dalam menasihati anak-anak dan tanggungjawab tersebut perlu digalas seumur hidup dan tidak tertakluk dengan masa (Ani Maslihatul Maghfiroh 2007; Hairun Mahulay 2017).

Hukuman perlu digunakan sewajarnya berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Konsep nasihat menggunakan pujian dan hukuman juga merupakan

kaedah pembentukan akhlak yang boleh diaplikasikan oleh ibu bapa (Yulia Hairina 2017). Apabila anak-anak melakukan kebaikan, ibu bapa boleh memberi nasihat dengan pujian dan jika melakukan perkara yang tidak baik, mereka akan dikritik. Oleh itu, anak-anak akan mempunyai rasa tanggungjawab untuk setiap apa yang mereka lakukan (Rahmawati 2018).

4.3 Nasihat melalui soal jawab

Sementara itu, ibu bapa dapat memberi nasihat melalui soal jawab digunakan dengan melontarkan soalan untuk merangsang pertumbuhan minda anak-anak bagi menarik perhatian, mencabar kecerdikan, meyakinkan dan memberi peluang kepada anak-anak menyampaikan pandangan, membangkitkan semangat anak-anak dan memfokus kepada sesuatu yang dibincangkan serta menguji kecerdasan anak-anak untuk mendapat kepuasan terhadap sesuatu perkara. Al-Ulwan telah memberi beberapa contoh antaranya Rasulullah bersoal jawab dengan para sahabat tentang orang muslim, orang mufliis dan sebagainya (al-Ulwan 1997).

Bukan hanya Rasulullah SAW bersoal jawab, bahkan para sahabat dan alim ulama juga menggunakan teknik ini dalam bersoal jawab dengan kanak-kanak dalam pelbagai masalah dan meminta pendapat mereka (Suwaid 2014). Begitu juga dengan ibu bapa. Ibu bapa boleh menyoal sesuatu untuk mendapatkan jawapan daripada anak-anak mereka. Ini merupakan salah satu strategi kesopanan positif. Ibu bapa boleh bersoal jawab pada waktu yang berbeza dan melakukannya secara interpersonal dengan anak-anak. Soalan ibu bapa adalah untuk memberi kesedaran dan membuka minda serta memberi ruang supaya anak-anak dapat berfikir secara lebih matang, terutama remaja perempuan, tentang kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak (Arina 2016). Justeru, ibu bapa boleh berbincang dan memberi penjelasan kepada anak-anak, terutama apabila anak-anak melakukan kesalahan, bagi memastikan tindakan yang diambil tidak menambahkan konflik atau tekanan terhadap anak-anak (Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012).

Nasihat melalui soal jawab ini dalam masa yang sama menjalankan proses model interaksi Schramm yang menunjukkan ibu bapa sebagai penyampai dan anak-anak sebagai penerima mesej. Perkara yang utama semasa proses ini ialah berlakunya komunikasi yang bersifat dua hala antara ibu bapa dengan anak (Steinberg 2007). Ibu bapa membuka ruang untuk anak-anak bersuara serta berbincang berkenaan sesuatu perkara. Ibu bapa tidak bersifat autoritarian atau menjalankan dominasi terhadap anak sehingga menyebabkan anak tidak mempunyai ruang untuk memberikan pendapat atau memberitahu masalah mereka (Abdul Karim 2022).

Selain itu, kajian Birbili & Karagiorgou (2010) menunjukkan proses soal jawab antara ibu bapa dengan anak memberikan beberapa manfaat. Pertama, ia dapat menghasilkan satu ruang pembelajaran terhadap ibu bapa dan anak untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dengan mengutarakan soalan-soalan yang bersesuaian. Selain itu, pemilihan soalan dan cara bertanya soalan yang betul oleh ibu bapa penting untuk mengetahui apa yang anak fikirkan. Soalan-soalan ini memberi peluang untuk ibu bapa mendengar apa yang ingin diluahkan oleh anak. Seterusnya, anak-anak akan mencontohi gaya dan cara pertanyaan soalan yang baik daripada ibu bapa kerana kanak-kanak cepat mempelajari dan meniru persoalan orang dewasa. Abdul Karim (2020) pula menyatakan bahawa interaksi yang positif antara ibu bapa dengan anak mengajar anak untuk berkomunikasi

dengan lembut, bersifat terbuka, sopan dan menghargai nilai kekeluargaan serta menghormati masa yang dijalankan untuk berinteraksi bersama keluarga. Seterusnya Yue Zhang (2020) berpandangan bahawa komunikasi yang berkualiti antara ibu bapa dengan anak adalah jauh lebih baik daripada kuantiti komunikasi yang kerap tetapi tidak berkualiti. Ia juga memberi kesan yang baik terhadap akademik anak-anak.

4.4 Teknik penceritaan yang diselitkan dengan peringatan dan nasihat

Teknik penceritaan yang diselitkan dengan peringatan dan nasihat memberi impak kepada akal, jiwa, akal dan hujah yang logik. Dalam membahaskan tentang cerita, al-'Ulwan memaparkan beberapa cerita yang sesuai disampaikan kepada anak-anak seperti kisah pesakit kusta, si botak dan si buta, kisah kayu ajaib, kisah Hajar dan Nabi Ismail A.S. Para ibu bapa, pendakwah yang berjaya dapat menyesuaikan cerita dengan gaya yang bertepatan dengan tahap pemikiran anak-anak dan mengeluarkan banyak pengajaran yang penting agar memberi kesan yang mendalam kepada anak-anak (al-'Ulwan 1997). Mohamad Khairi et al. (2016) dan Abdul Mustaqim (2011) menyatakan bahawa cerita merupakan nasihat yang efektif. Cerita merupakan salah satu bentuk sastera yang mampu menarik perhatian, memberi pengajaran dan menguatkan mesej ke dalam hati manusia serta memberi pengaruh yang kuat untuk memperbaiki akhlak, hati dan amal. Al-Quran banyak menceritakan kisah-kisah para nabi, tokoh-tokoh dan umat terdahulu. Allah SWT mengurniakan nikmat yang besar dengan menyampaikan kisah-kisah kepada Rasulullah SAW dan kisah-kisah tersebut adalah kisah terbaik. Hal tersebut agar manusia dapat mengambil iktibar dan memberi kekuatan kepada rasulullah SAW ('Ulwan 1997; Kusnadi 2014; Mariyatul Norhidayati Rahmah 2016). Terdapat kisah-kisah yang terbaik dalam al-Quran. Antara firman Allah SWT yang berkaitan ialah Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصَدِّقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ
كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ۝ ١١١

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

Surah Yusuf (12):111

Al-Baghāwī (1997) dalam *Ma'alim al-Tanzīl* membahaskan sesungguhnya kisah mereka iaitu kisah Yusuf dan saudaranya menjadi pengajaran kepada orang berakal. Al-Quran bukan perkataan rekaan tetapi ia membenarkan Kitab Taurat dan Injil. Dalam kitab tersebut menerangkan apa yang diperlukan oleh hamba mengenai halal, haram, suruhan dan kemungkarannya sebagai penjelasan dan nikmat.

Menurut Suwaid (2014), kisah para ulama dan orang soleh adalah cara terbaik untuk meneladani perjuangan dari sudut pandangan komitmen yang tinggi

dan kesediaan untuk berkorban dan membentuk akhlak yang mulia. Ibu bapa menceritakan kisah-kisah yang disertai dengan nasihat kepada anak-anak supaya mereka dapat meneladani perkara yang baik dan menghindari perkara yang buruk. Noormawaty (2015) menyarankan kepada ibu bapa untuk menggunakan gaya yang mudah difahami dan diminati oleh pendengar termasuk anak-anak dalam menyampaikan cerita. Justeru, kisah-kisah yang diceritakan boleh dijadikan nasihat kepada anak-anak kerana mengandungi unsur-unsur moral dalam pendidikan manusia (Abdul Mustaqim 2011). Melalui komunikasi, ibu bapa boleh memberi nasihat dengan bercerita mengenai kebaikan yang dilakukan berdasarkan kisah-kisah tersebut (Yan & Ribut 2019).

Tambahan pula, kaedah bercerita merupakan salah satu terapeutik atau pendekatan yang memberikan kesan yang besar ke atas kanak-kanak. Hal ini berdasarkan kajian literatur bersistematik oleh Dewi et al. (2021) yang menunjukkan penceritaan terapeutik membantu untuk menurunkan tahap kebimbangan anak pada usia pra sekolah, memberi kesan terhadap tahap kecerdasan dan sosial anak. Selain itu, ia juga dapat mengubah bahasa dan gaya kesusasteraan anak dan membentuk tingkah laku dan hubungan anak.

4.5 Nasihat dengan arahan

Al-Quran mempunyai pengaruh yang kuat terhadap hati dan jiwa manusia. Terdapat *nas-nas* al-Quran yang mengandungi arahan kepada pembaca untuk manfaat jiwa, mental, jasmani, agama, dunia dan akhirat. Selain itu, ayat-ayat al-Quran dapat dijadikan panduan dalam membentuk akal, jati diri supaya menjadi insan yang soleh (al-Ulwan 1997). Firman Allah SWT:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا
فَخُورًا ۝ ٣٦

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.

Surah al-Nisa' (4):36

Al-Qurtubī (2014) dalam *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* menyebut sembahlah Allah SWT iaitu mengesakannya dan taatilah Dia. Berbuat baik dan berlemah lembut kepada kedua ibu bapa. Berbuat baik kepada ahli keluarga dan yatim dan orang miskin. Orang jauh yang tiada pertalian kerabat. al-Baghāwī (1997) dalam *Ma'alim al-Tanzil* menjelaskan maksud ayat tersebut adalah katakanlah kepada keduanya (ibu bapa) iaitu perkataan yang baik dan cantik. Kata Ibnu Musayyab seperti perkataan hamba abdi yang berbuat salah kepada tuan yang garang. Kata Mujahid; tidak memanggil nama atau gelaran mereka, tetapi katakan ayahnya, ibunya. Kata Mujahid; Jika mereka berdua sudah tua sehingga terkencing dan sebagainya, jangan kamu merasa jijik dengan mereka berdua dan jangan berkata

'ahh' kepada mereka berdua ketika kamu membersihkan najis dan kencing seperti mana mereka berdua membersihkan kamu ketika kamu kecil. Ibnu 'Abbas berkata, jangan kamu kasar dalam perkataan kepada mereka. al-Sadi dan Ikrimah pula berkata, berikan gelaran seperti wahai Abul Abbas dan ada yang mengatakan wahai Abul Walid iaitu perkataan yang lembut. Disyorkan agar berlembut dalam kata-kata kerana terdapat hak pendidikan.

Memberi arahan yang jelas dan tepat penting untuk mendisiplinkan anak-anak dan membolehkan mereka melaksanakan arahan dengan baik (Liana Rizki Putri 2016; Norjieta Julita 2018; Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012). Malah Chatia Hastasari, Suranto Aw dan Mami Hajaroh (2018) menambah bahawa anak-anak yang biasa mendapat arahan yang jelas daripada ibu bapa mempunyai tingkah laku positif ketika berada di sekolah. Nasihat diberikan dengan jelas dan disesuaikan dengan keperluan psikologi pendengar (Sutikno 2013). Semasa memberi arahan, ibu bapa perlu merenung ke dalam mata anak-anak dengan penuh kasih sayang dan bukannya renungan penuh kemarahan supaya ia dapat mengubah tingkah laku anak-anak (Azizi, Halimah & Zuhaimy 2012). Oleh itu, al-'Ulwan (1997) menyatakan bahawa arahan boleh dilakukan dengan kata penegas, kata tanya yang bermaksud kritikan, dalil akal, kesempurnaan Islam dan pensyariatannya dan larangan yang jelas.

Malah, arahan yang jelas ini selari dengan prinsip komunikasi Islam *qaulan balighan* iaitu kata-kata yang berkesan. Ia memberi makna bahawa komunikasi yang jelas Hal ini dapat juga dilihat melalui hadis Nabi SAW semasa Baginda bersama anak-anak bapa saudaranya. Baginda memberikan mereka nasihat melalui arahan yang bersesuaian dengan tahap umur anak-anak. Proses perbualan dijalankan ringkas, ayat-ayat yang digunakan membawa maksud secara terus dan mudah difahami serta padat. Rasulullah SAW bersabda:

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ أَحْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَّمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَّمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ

Maksudnya:

Wahai anak, aku akan memberimu beberapa pelajaran; Peliharalah Allah nescaya Dia akan memelihara kamu, peliharalah Allah nescaya kamu akan menjumpai-Nya di hadapanmu. Jika kamu meminta, mintalah kepada Allah dan jika kamu memohon pertolongan, mohonlah kepada Allah. Ketahuilah, sesungguhnya andai seluruh umat bersatu padu untuk memberikan manfaat kepada mu, nescaya mereka tidak akan dapat memberikannya kepadamu, kecuali sesuatu yang telah ditakdirkan Allah untukmu. Dan seandainya mereka bersatu padu untuk menimpakan suatu bahaya kepadamu, nescaya mereka tidak akan dapat membahayakan mu, kecuali sesuatu yang telah Allah takdirkan bagimu, pena telah diangkat dan lembaran catatan telah mengering. (Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi. 1996. Sunan al-Tirmidhi, *Abwāb šifat al-Qiyāmah wa al-Raqāiq wa al-Wari'*, no. hadis: 2516, hlm: 4/284)

4.6 Nasihat disertai dengan gurauan

Nasihat yang disertai dengan gurauan boleh diaplikasikan ketika berkomunikasi untuk menggerakkan minda, menghilangkan bosan dan merangsang jiwa seseorang. Gurauan Rasulullah SAW berdasarkan hadis berikut:

Ada seorang lelaki meminta kepada Rasulullah SAW supaya dibawa menaiki tunggangan. Rasulullah SAW berkata kepadanya, "Aku akan beri kamu menunggang anak unta betina." Lelaki itu berkata, "Wahai Rasulullah, apakah yang dapat aku lakukan dengan anak unta betina?" Lalu jawab Baginda, "Bukankah semua unta ialah anak kepada unta betina?" (HR at-Tirmidzi dan Abu Daud)

Dengan gurauan ini, Rasulullah ingin menerangkan kepada lelaki tersebut bahawa unta mampu membawa beban yang berat walaupun yang membawanya adalah anak unta. Banyak lagi hadis yang menunjukkan Rasulullah SAW bergurau dalam menyampaikan nasihat (al-'Ulwan 1997). Gurauan yang dilakukan dapat mewujudkan suasana ceria dan meminimumkan kesan konflik dalam keluarga (Holy Sumarina 2013). Apabila gurauan dimulakan sebagai pemula bicara, pemecah ketegangan atau intervensi terapeutik, ia merupakan satu cara yang efektif untuk mendorong proses komunikasi berlaku (Lovorn 2008). Anne Ratnasari (2007) pula berpandangan bahawa mesej lisan yang berfokus dan digabungkan dengan pendekatan gurauan boleh membantu dalam menyampaikan mesej tersebut dengan berkesan. Walau bagaimanapun, Phillips (2017) berpandangan bahawa gurauan berfungsi secara negatif dalam keluarga dan ada kalanya boleh merosakkan hubungan. Gurauan mempunyai dua keadaan. Pertama, kebiasaannya gurauan adalah positif dan digunakan untuk mewujudkan perkaitan dalam keluarga. Kedua, kebiasaannya ia adalah negatif dan digunakan untuk menyakiti hati ahli keluarga yang lain. Abdul Karim (2022) pula berpandangan bahawa semasa menjalankan sesi perbincangan bersama keluarga, perlulah ditambah dengan unsur jenaka atau gurauan. Ibu bapa perlu memastikan suasana semasa menasihati si anak itu bukan dalam keadaan yang tertekan. Namun begitu, pendekatan gurauan ini perlulah bersifat positif. Sebagai contoh, Rasulullah SAW walaupun bergurau, Baginda masih mengucapkan kata-kata yang benar dan bukan rekaan. Sabda Nabi SAW:

Maksudnya:

Sesungguhnya aku tidak berkata (dalam gurau) melainkan hanya perkara yang benar. (Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi. 1996. Sunan al-Tirmidhi, *Bāb mā jāa fī al-Mizāh*, no. hadis: 1990, hlm: 529)

Seterusnya, kajian Thornhill (2002) menunjukkan jenaka atau gurauan boleh digunakan sebagai alat motivasi untuk meningkatkan pembelajaran anak dan mewujudkan suasana yang tidak mengancam supaya anak-anak dapat meningkatkan potensi mereka untuk belajar. Ia juga dapat membantu meningkatkan keyakinan diri, memberi kesan terhadap pembelajaran kognitif anak dan membangunkan skil penyelesaian masalah. Tambahan pula, Lovorn (2008) menyatakan ketawa hasil daripada gurauan boleh memberikan kesan terhadap fizikal dan kesihatan mental seseorang individu. Apabila nasihat diberikan dengan ikhlas dan teknik yang betul dapat memberi kesan kepada jiwa, hati dan akal anak-anak. Justeru, ibu bapa membiasakan nasihat kepada anak-anak dengan pelbagai teknik yang sesuai berdasarkan kesesuaian waktu, tempat dan karakter anak-anak.

Oleh itu, disimpulkan bahawa uslub nasihat dapat diaplikasikan dalam pelbagai teknik iaitu melalui panggilan berunsurkan pujukan yang lembut dan kecaman, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, teknik penceritaan yang diselitkan dengan peringatan dan nasihat, nasihat dengan arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan. Ibu bapa boleh menasihati anak dengan cara memujuk yang penuh kelembutan dan ada waktu yang lain boleh digunakan dengan kecaman. Hal ini melihat kepada situasi yang bersesuaian. Anak-anak perlu diberikan agar mereka tidak terlibat dengan perkara yang salah. Ada ketika, ibu bapa boleh menggunakan teknik soal jawab dengan anak-anak iaitu interaksi antara ibu bapa dan anak-anak agar anak-anak dapat memberi pandangan dan menyatakan pendapat. Pada masa yang sama, ibu bapa dapat menjelaskan pandangan agar keputusan dapat dibuat dengan lebih baik.

5.0 Penutup

Berdasarkan Kitab *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* yang ditulis oleh Abdullah Nasih Ulwan, pengkaji mendapati uslub *maw'izah hasanah* iaitu memberi nasihat dengan panggilan berunsurkan pujukan yang lembut dan kecaman, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, teknik penceritaan yang diselitkan dengan peringatan dan nasihat, nasihat dengan arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan. Oleh itu, ibu bapa dapat menggunakan pelbagai uslub ini dapat berinteraksi dengan anak-anak berdasarkan kesesuaian waktu dan tahap pemikiran anak-anak. Nasihat memberi kesan yang besar dalam pembentukan sahsiah anak-anak. Rasulullah SAW menjadikan nasihat dan bimbingan sebagai kaedah yang banyak diaplikasikan dalam dakwah. Al-Quran menekankan agar menggunakan nasihat kerana nasihat memberi peringatan supaya manusia bertakwa, mendidik manusia ke arah kebaikan, kebenaran dan mendapat petunjuk Allah SWT. Nasihat sesuai dengan lafaz lafaz al-Quran daripada pelbagai struktur dan gaya bahasa. Uslub *maw'izah hasanah* dapat digunakan oleh ibu bapa apabila memberi nasihat kepada anak-anak seperti memberi nasihat dengan panggilan yang lembut, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, nasihat melalui cerita, nasihat dengan arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan. Diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada ibu bapa dalam mempraktikkan uslub *maw'izah hasanah* dengan cara yang betul ketika berkomunikasi dengan anak-anak agar pembentukan sahsiah yang baik dapat dicerna dalam kehidupan anak-anak terutama dalam

Rujukan

al-Quran

Abdul Karim Bakkar. (2022). *Successful Family Upbringing Series*. Petaling Jaya: Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn. Bhd.

Abdul Munir Ismail, Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Shahrulanuar Mohamed. (2013). Pendekatan dakwah oleh ibu bapa suku Banjar bagi membentuk anak patuh kepada ajaran Islam. *Journal of Human Capital Development* 6(2): 125–144.

Abdul Mustaqim. (2011). Kisah al-Qur'an: hakekat, makna, dan nilai-nilai pendidikannya. *Ulumuna* 15(2): 265-290.

Abi al-Husain Muslim. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿAlīmiyyah.

Abi ʿIsa Muhammad bin ʿIsa al-Tirmidhi. (1996). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

- Aep Wahyudin. (2012). Episteme Dakwatologi Komunikasi (Menakar Komunikasi Islam dalam Epistemologi. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 6 (2): 207–225. doi:10.15575/jid.v6i2.335.
- Ahmad Gawdy Pranansa, Doni Pestalozzi & Adisel. (2018). Konsep komunikasi pendidikan dalam al-Qur'an Surat Lukman. *Journal Of Administration and Educational Management (Alignment)*1(1):24–37.
- Anne Ratnasari. (2007). Komunikasi harmonis orang tua dengan anak. *Mediator* 8(2): 345–351.
- Ani Maslihatul Maghfiroh. (2007). *Nilai-nilai edukatif pada kisah Nabi Nuh AS dalam Surat Nuh* (Tesis Sarjana, Tarbiyah Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi agama Islam Negeri (STAIN) Salatiga).
- Alfon Pusungulaa, Julia Pantow & Antonius Boham. (2015). Pola komunikasi keluarga dalam membentuk karakter anak di Kelurahan Beo Talaud. *Acta Diurna IV* (5): 1–11.
- Arina Johari & Indirawato Zahid. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 16 (2): 73-94.
- Asep Muhidin. (2002). *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia.
- al-`Asqalānī, Ibn Hajar. (t.th). *Fath Al-Bari Syarah Bukhārī*. Kaherah: al-Salafiah.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip & Zuhaimy Ismail. (2012). *Teknik Berkesan Mendidik Anak*. Skudai: Penerbit Teknologi Malaysia
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Mascilla Hamzah. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Teknologi* 58: 91–103.
- al-Baghāwī, Abu Muhammad al-Husain Ma'ud. (1997). *Ma'alim al-Tanzil*. Beirut: Dar Taiyyibah li al-nasyr wa al-Tauzi'.
- Bahrani, M., Hosseini, M. A. & Zamiri, M. R. (2017). Family Pattern in the Quran and the Role of Social Networks in Consolidating or Dissolving it. *International Journal of Scientific Study* 5(4): 921–932.
- Balcells-balcells, A., Giné, C., Guàrdia-Olmos, J., Ann, J. & Mas, J. M. (2019). Research in Developmental Disabilities Impact of supports and partnership on family quality of life. *Research in Developmental Disabilities* 85: 50–60.
- al-Bayanuni, Muhammad `Abd al-Fattah. (1995). *al-Madkhal Ila `Ilm al-Da`wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Berita Harian. (2015). *Agama: Dua hak anak wajib ditunai*. 28 April.
- Birbili, M. & Karagiorgou, I. (2010). Helping Children and Their Parents Ask Better Questions: An Intervention Study. *Journal of Research in Childhood Education*, 24(1), 18-31.
- al-Bukhārī, Abu `Abdullah Muhammad Isma'il. (t.th). *Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Chatia Hastasari, Suranto Aw & Mami Hajaroh. (2018). Pola komunikasi keluarga dalam mencegah kenakalan pelajar SMA di Kota Yogyakarta. *Informasi:Kajian Ilmu Komunikasi* 48(2): 155–168.
- Che Su Mustafa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi ibubapa dan anak serta hubungannya ke atas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 30(Special Issue): 43–74.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Clarisa Inda Oktaviana & Hedi Pudjo Santosa. (2008). Pola komunikasi pengasuhan ibu *single parent*. *Ilmu Komunikasi* 6(3): 1–9.

- Cosmas Gatot Haryono. (2020). *Ragam Metode Penelitian Kualitatif Komunikasi*. Jawa Barat: SV Jejak.
- Dewi Pingkan Sambuaga & A. Boham. (2014). Peranan komunikasi keluarga dalam mencegah perkelahian antar warga (studi kasus di Kelurahan Mahakeret Barat). *Journal Acta Diurna* 3(4): 1–15.
- Dewi Srinatania, Agus Hendra, Kharisa Deskia & Agni Laili Perdani. (2021). *Story Telling as Therapeutic Intervention Toward Anxiety Level: A Literature Review*. The 4th International Virtual Conference on Nursing.
- Effiati Juliana Hasibuan. (2011). Peranan komunikasi dalam keluarga terhadap pembentukan jati diri remaja. *Jurnal Ilmu Sosial* 4(2): 141–153.
- Farida Ekasari. (2007). Pola komunikasi dan informasi kesehatan reproduksi antara ayah dan remaja. *Jurnal Kesehatan Masyarakat Nasional* 2(1): 26–32.
- Fathiyaturrohmah. (2014). Ayat-ayat tentang peranan ibu dalam pendidikan anak. *Elementary* 2(1): 57–85.
- Hairun Mahulay. (2017). Komunikasi keluarga dalam Quran. *Jurnal Al-Idarah* IV (5): 41–56.
- HAMKA. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1990). *Tafsir Al-Azhar*. Jil. 7. Singapura: Pustaka National Pte Ltd.
- Hermus Hero & Maria Ermalinda Sni. (2018). Peran orang tua dalam meningkatkan motivasi belajar siswa kelas V di Sekolah Dasar Inpres Iligetang. *Jurnal Riset Pendidikan Dasar* 1(2): 129–139.
- Holy Sumarina. (2013). Efektivitas komunikasi interpersonal guru dan murid (Studi Kasus Pada TK Al-Quran Al-Ittihad Samarinda). *eJournal Ilmu Komunikasi* 1(2): 197–207.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qurān al-‘Azīm*. Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Intan Mas Ayu Shahimi. (2018). *Kesihatan mental remaja*. Harian Metro, 28 September.
- Jamiah Manap, Fazilah Idris, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Zuraidah Ali. (2015). How do mothers nurture love via parenting? *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (2): 11–19.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kusnadi. (2014). Komunikasi dalam al- Qur’an (Studi Analisis Komunikasi Interpersonal pada Kisah Ibrahim). *Intizar* 20(2): 267–284.
- Liana Rizki Putri. (2016). Pengaruh intensitas komunikasi orang tua kepada anak terhadap kenakalan remaja di Desa Adipuro Kecamatan Trimurjo Kabupaten Lampung Tengah (Tesis Sarjana, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Lampung).
- Lovorn, M. G. (2008). Humor in the home and in the classroom: The Benefits of Laughing While We Learn. *Journal of Education and Human Development*, 2(1).
- Al-Maraghiy. (2001). *Tafsir Al-Maraghiy*. T. M. Thalib Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma Razhanlaily Ab Razak & Salasiah Hanin Hamjah. (2017). Faktor Zina dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja. *Sains Insani* 2(2): 1–9.
- Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2021). Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen dalam kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistematis. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 12-27.

- Mariyatul Norhidayati Rahmah. (2016). Model Komunikasi Interpersonal. *Ilmu dan Teknik Dakwah* 4(7): 1–12.
- Mastura Bohari & Farahwahida Mohd Yusof. (2020). Pendidikan Keibubapaan melalui santunan fitrah Nabi Ya'qub A.S dan pendekatannya bagi menangani salah laku remaja. *Umran, International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(3–2): 113–123.
- Miranti Dwi Jaliani. (2018). Pola komunikasi dakwah dalam penyiaran Islam berbasis kearifan lokal (studi tentang dakwah Sunan Kalijaga) (Tesis Sarjana. Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung).
- Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim, Alis Puteh, Muhamad Dzahir Kasa & Nur Fasiah Roslan. (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*, 8(4-2): 9-16.
- Mohd Hafiz Abd Mutalib. (2022). *Masalah mental 2019: Dewasa 2.3%, kanak-kanak 9.5%*. Utusan Malaysia, 25 Jun.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Haqqul Yaqin Mohd Jelani, Mohamad Anas Mohamad Yaakob & Wan Abdul Rahman Wan Ibrisam Fikry . (2019). Bimbingan dan Pendidikan Berterusan Terhadap Anak-anak. Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairollah. (2013). Explorasi hubungan antara personaliti islamik dan gaya keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought* 4(Dec): 1–10.
- Norjieta Julita. (2018). Aktiviti melukis meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak* 7: 19–29.
- Noormawaty Jauhari & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. (2015). Keistimewaan ayat-ayat *al-amthal* al-Quran sebagai refleksi kepada kecemerlangan dalam pemikiran. Kertas Kerja Seminar Wahyu Asas Tamadun IV. Anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Nilai, 6-7 Oktober.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd. Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh dan Mohd Isa Hamzah. (2014). Quran Education for special children: Teacher as Murabbi. *Creative Education* 05(07): 435–444.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Norbahiah Misran. (2018). Statistik Kes Penderaan Kanak-kanak di Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 17-24.
- Nuraini Novianti, Melly Latifah & Neti Hernawati. (2018). Mengoptimalkan faktor diri dan keluarga dalam prestasi akademik remaja. *Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsumen* 11(1): 60–73
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Phillips, K. E. (2017). Communication and family identity: toward a conceptual model of family identity and development of the family identity inventory. Tesis Dr. Fal. University of Nebraska.
- Al- Qurṭubī, Abi Abd Allah Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abi Bakr. 2014. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Rahmawati & Muragmi Gazali. 2018. Pola komunikasi dalam keluarga. *al-Munzir* 11(2): 163–181.

- Rahmi. 2015. Tokoh ayah dalam al-Quran dan keterlibatannya dalam pembinaan anak. *Kafa'ah: Jurnal Ilmiah Kajian Gender* 5(2): 203–218.
- Rusli Ahmad & Abg Ishar Abg Yaman. *Kata-kata Pujian dan Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar*. Kota Samarahan: UNIMAS Publisher.
- Saedah Siraj. 2003. *Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Sakiroh Yaena Benharoon. 2013. Building a culture of f peace in Muslim community in Southern Thailand through family communication. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 91: 522–531
- Sayyid Qutb. 2000. *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*. Jil 1. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sicillya E. Boham. 2013. Pola komunikasi orang tua dengan anak autisme (Studi pada orang tua dari anak autisme di Sekolah Luar Biasa AGCA Center Pumorow Kelurahan Banjer Manado). *Journal Acta Diurna Komunikasi* II(4): 1–18.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2019). *Pendidikan Anak-anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan*. Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor.
- Sutikno. 2013. Pola pendidikan Islam dalam Surat Luqman ayat 12-19. *Jurnal Pendidikan Agama Islam* 2(2): 288–302.
- Suwaid, Muhammad Nur Abdul Hafiz. 2014. *Prophetic Parenting Cara Nabi SAW Mendidik Anak*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Steinberg, S. 2007. *An Introduction to Communication Studies*. Cape Town: JUTA.
- al-Ṭabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, juz 24. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Thornhill, C. A. A. 2022. Literature review: using humor with children. University of Northern Iowa.
- al-'Ulwan, Abdullah Nasih. 1997. *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islām*. Mansurah: Dar al-Salam.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madihah Syed Husin, Mohamad Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian. *Al-QANATIR International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Yan Hendra & Ribut Priadi. 2019. Family communication model in forming pious children. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)* 2(1): 28–38.
- Yue Zhang. 2020. Quality Matters More Than Quantity: Parent-Child Communication and Adolescents' Academic Performance. *Front. Psychol.*, 11(1203): 1-8.
- Yulia Hairina. 2017. Prophetic Parenting sebagai model pengasuhan dalam pembentukan karakter (akhlak) anak. *Jurnal Studia Insania* 4(1): 79–94.
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. 2011. Hubungan antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2): 31–40.